

TARIKH	SELASA, 7 MEI 2024
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	TIADA HABUAN BAGI KAKI PONTENG, CUI
M/S	4
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	



**ANWAR** (tengah) bersalaman dengan warga JPM ketika hadir pada majlis perhimpunan bulanan di Putrajaya semalam.

## PM mahu ketua jabatan kenal pasti staf bermasalah **Tiada habuan bagi kaki ponteng, cuai**

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

**PUTRAJAYA** – Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan setiap jabatan untuk mengawal dan mengenal pasti kakitangan yang merosakkan nama baik penjawat awam supaya mereka tidak menerima habuan kenaikan gaji seperti diumumkan baru-baru ini.

Menurut Perdana Menteri, kakitangan bermasalah tidak akan diberi layanan sama untuk kenaikan gaji selepas kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam diluluskan.

Katanya, sebagai contoh mungkin lebih 90 peratus guru menjalankan tanggungjawab, namun ada yang cuai, ponteng dan sebagainya.

“Begitu juga masalah di jabatan. Ada yang ambil rasuah, tak datang kerja dan pelbagai masalah. Kita tidak akan beri layanan yang sama.

“Sementara kita berikan satu anjakan radikal untuk penjawat awam, saya minta saudara untuk kawal jabatan dan kenal pasti orang yang merosakkan nama baik penjawat awam,” katanya ketika berucap pada majlis Perhimpunan Bulanan warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini semalam.

Sebelum ini, Anwar mengumumkan kerajaan bakal memperkenalkan kaedah yang melihat kepada prestasi kerja serta kecekapan penjawat awam bagi menentukan sama ada mereka berhak menerima kenaikan gaji.

Menurut Anwar, kenaikan gaji dibuat bersandarkan kepada konsep Madani dan kemanusiaan.

Tambahnya, ada kalanya masalah berkaitan kepincangan pengurusan dan kecuai pihak lain.

“Perbincangan kenaikan gaji dilakukan dengan penuh teliti

dan mendalam,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar menggesa penjawat awam menjadikan Arab Saudi sebagai contoh yang bertindak proaktif meluluskan permohonan dalam tempoh kurang 24 jam.

“Saya kagum dengan tahap kelulusan di Arab Saudi, 9.30 pagi dikemukakan dan pada pukul 8 malam, Perdana Menteri Arab Saudi (Mohammad Salman) telah beri lampu hijau,” katanya.

Ujar Anwar, situasi itu dialaminya ketika lawatan ke Riyadh minggu lalu.

“Pukul 9.30 pagi berbincang dengan syarikat Aqwa Power, pukul 8 malam lulus,” katanya.

Susulan itu, Anwar berkata, persetujuan itu memberi terjemahan bahawa Arab Saudi yakin kepada Malaysia yang menunjukkan kestabilan politik negara selain dasar ekonomi jelas serta kecekapan sistem perkhidmatan awam.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM